

PM kecewa cara PBB tangani isu Bosnia

SHAH ALAM, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bertindak adil dalam mencari penyelesaian muktamad terhadap keganasan yang berlaku di Bosnia-Herzegovina yang setakat ini mengorbankan banyak nyawa.

Katanya, keganasan yang dilakukan oleh puak Serb tidak seharusnya dibiarkan begitu saja tanpa apa-apa tindakan sekiranya kuasa besar yang mendakwa memperjuangkan hak asasi benar-benar ikhlas.

“Mereka hendakwa bertanggungjawab terhadap hak asasi, tapi apa yang nyata hari-hari orang Islam Bosnia dibunuh, disiksa dan baru hendak mesyuarat dan se-

lepas mesyuarat, tiada tindakan diambil.

“Sementara itu orang Serb terus ganas. Berapa ramai orang Islam Bosnia mesti mati baru mengambil tindakan. Bolehkah kita percaya kepada orang ini yang berjanji menjaga keselamatan kita,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia menyokong Jepun dan Jerman menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, tetapi dalam masa yang sama PBB harus memberi pertimbangan perlunya negara membangun menyertai kerusi itu.

Perdana Menteri berkata, penyertaan negara membangun dalam PBB akan membolehkannya memainkan fungsi adil dan tidak berat sebelah.

Menurutnya, apa yang

berlaku sekarang Majlis Keselamatan PBB bersikap berat sebelah, seperti dalam isu Bosnia-Herzegovina, manakala negara Barat yang menganggotainya hanya mementingkan diri sendiri saja.

“Sikap negara anggota Barat ini tidak sihat. Kita berpendapat sepatutnya tidak ada anggota tetap atau kuasa veto dalam PBB. Kita juga berpendapat jangan semua negara maju saja menganggotai PBB,” katanya.

Semalam, Singapura menyatakan sokongan terhadap rancangan Jepun menganggotai kerusi Majlis Keselamatan PBB.

Dr Mahathir berkata, penyertaan Jepun dalam kerusi berkenaan tidak mungkin menonjolkan negara itu sebagai kuasa baru tentera di rantau ini.